

NO. KAD PENGENALAN /  
NO. SURAT BERANAK

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**JABATAN PELAJARAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**Pra- UPSR SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH NEGERI SEMBILAN  
2009**

**BAHASA MELAYU – PENULISAN**

**012**

**Julai**

1 ¼ jam

**Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor surat beranak dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
3. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
4. *Bagi **Bahagian B**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1, Soalan 2 atau Soalan 3.***
5. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa :		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
JUMLAH		60

Kertas ini mengandungi 9 halaman bercetak

**Bahagian A**  
[Masa dicadangkan : 15 minit]  
[10 markah ]

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar di bawah





**Bahagian B**

[ 30 markah ]

[Masa dicadangkan : 40 minit ]

**Pilih satu** daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan**.

1 Kamu telah diberi seekor anak kucing untuk dipelihara.

Ceritakan pengalaman kamu menjaga anak kucing itu.

**ATAU**

2 Kamu telah berbual-bual dengan seorang rakan kamu. Perkara yang dibualkan adalah tentang pengalaman bercuti di suatu tempat yang menarik.

Tuliskan perbualan itu selengkapnya.

**ATAU**

3 Kamu telah menyertai pertandingan syarahan.

Tajuk syarahannya ialah 'Pentingnya Mematuhi Peraturan Sekolah'.

Tuliskan syarahan itu selengkapnya.







**Bahagian C**

[20 markah]

[Masa dicadangkan : 20 minit]

Tulis **lima** pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.  
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

14 Mac 2009, Sabtu

**7.30 pagi**

Kami berkumpul di tebing Sungai Teriang untuk mendengar taklimat. Ketua ekspedisi, Cikgu Akmal memuji kami kerana menepati masa. Kami mendengar dengan teliti apa yang diperkatakan oleh Cikgu Akmal mengenai cabaran berakit yang akan kami lakukan.

**8.15 pagi**

Kami memulakan cabaran berakit. Arus sungai yang agak deras menguji kesabaran kami. Kerja sepasukan amat penting dalam cabaran ini. Tanpa kerjasama sepasukan sudah pasti kami tidak akan berjaya. Tujuan cabaran berakit ini adalah untuk membersihkan sungai Teriang daripada sampah sarap. Pasukan yang menang dikira berdasarkan berat sampah sarap yang berjaya dikumpulkan. Di sepanjang sungai begitu banyak sampah sarap yang dibuang oleh orang ramai. Adi, ahli pasukanku sempat membebel tentang sikap masyarakat yang suka membuang sampah ke dalam sungai.

Di sepanjang sungai Teriang, kami mendapati ada tebing sungai yang runtuh akibat daripada penebangan pokok-pokok.

**11.15 pagi**

Setelah berakit selama tiga jam, akhirnya kami sampai ke destinasi yang dituju. Walaupun kami tidak berjaya memenangi cabaran ini, kami tidak berasa kecewa kerana banyak pengalaman yang kami kutip. Kami mengucapkan tahniah kepada pasukan yang berjaya.

